

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Teraju berada di landasan betul bantu Bumiputera

## *Teraju berada di landasan betul bantu Bumiputera*

**Kuala Lumpur:** Unit Pereraju Agenda Bumiputera (Teraju) yang ditubuhkan lebih 10 tahun lalu masih berada di landasan betul untuk membantu memperkuatkan sosioekonomi Bumiputera, lebih-lebih lagi ketika negara kini dalam fasa pemulihian merangka pandemik Covid-19.

Satu kajian dijalankan Unit Penyelidikan, Analistik dan Teknologi Maklumat di bawah Teraju juga mendapat enam bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara masih lagi relevan.

Enam bidang keutamaan itu adalah memperkuatkan modal insan, meningkatkan ekuiti korporat, pemilikan kekayaan, pemilikan aset bukan kewangan, serta menggalakkan keusahawanan dan melestarikan sistem penyampaian.

Menurut kajian berkenaan, pelbagai inisiatif dilaksanakan berdasarkan enam bidang keutamaan berkenaan oleh Teraju untuk pembangunan ekonomi Bumiputera melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Sistem penyampaian yang diwakili kewujudan Teraju juga menunjukkan impak positif dalam meningkatkan pendapatan penengah Bumiputera. Sepanjang penubuhannya, Teraju mencipta RM146.32 bilion untuk Bumiputera.

"Selain itu, Teraju mencipta RM14.79 bilion pelaburan swasta Bumiputera daripada Dana Mudahcara serta mencatat RM10.07 bilion modal pasaran dari

pada penyeraian syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia," katanya.

Keenam-enam bidang keutamaan itu juga mempunyai hubungan positif dan sangat signifikan dalam membantu meningkatkan pendapatan penengah bulanan Bumiputera sebanyak satu hingga lima peratus.

Menurut kajian itu, keenam-enam bidang keutamaan itu, modal insan didapati mencatatkan nilai keanjalan tinggi iaitu 1.743 merujuk kepada tahap modal insan bertindak balas dengan pendapatan penengah jika dibandingkan dengan lima teras utama yang lain di bawah Teraju.

Bagaimanapun, menurut Teraju, berdasarkan unjuran ramalan pendapatan penengah bulanan Bumiputera bagi lima senario (S) dalam kajian itu, ia tidak mampu mencapai sasaran Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) ditetapkan iaitu pada RM5,169.12 sekiranya fokus hanya diberikan kepada satu-satu bidang keutamaan (senario) sahaja.

"Hal ini dapat dilihat pada unjuran ramalan lima senario masing-masing iaitu meningkatkan lima peratus dalam modal insan (S1), meningkatkan 30 peratus dalam keusahawanan (S2), meningkatkan sembilan peratus dalam pemilikan kekayaan (S3), kenakan dua peratus dalam aset bukan kewangan (S4) serta meningkatkan 30 peratus dalam pemilikan ekuiti korporat (S5).

"Namun, jika kelima-lima senario ini dilaksanakan serentak, pendapatan penengah bulanan Bumiputera yang diunjurkan pada 2030 iaitu RM5,390 akan melepas sasaran TPB 2030," katanya.